



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PERLAMBAANGAN ANATOMI MULUT DALAM SIMPULAN BAHASA DARI SUDUT BUDAYA MASYARAKAT MELAYU



05-4506832



SITI WARHAQAH BINTI MIOR ZULBAHRI



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS PERLAMBAHAN ANATOMI MULUT DALAM SIMPULAN
BAHASA DARI SUDUT BUDAYA MASYARAKAT MELAYU**

SITI WARHAQAH BINTI MIOR ZULBAHRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11-03-2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI WARHAQAH BINTI MIOR ZULBAHRI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk ANALISIS PERLAMBAHAN ANATOMI MULUT DALAM SIMPULAN BAHASA DARI SUDUT BUDAYA MASYARAKAT MELAYU adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. ANIDA BINTI SARUDIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS PERLAMBAHAN ANATOMI MULUT DALAM SIMPULAN BAHASA DARI SUDUT BUDAYA MASYARAKAT MELAYU dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU.

15 APRIL 2025

Tarikh

DISEMAK :

PROF. MADYA DR. ANIDA SARUDIN
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Tandatangan Penyelia
35900 Tanjung Malim, Perak.

PROF. MADYA DR. ANIDA SARUDIN
JABATAN BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TG. MALIM, PERAK.



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS PERLAMBAHAN ANATOMI MULUT DALAM SIMPULAN BAHASA DARI SUDUT BUDAYA MASYARAKAT MELAYU

No. Matrik /Matric's No.: M20201000729

Saya / I : SITI WARHAQAH BINTI MIOR ZULBAHRI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DISEMAK :

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Co. Rasmi / Name & Official Stamp)
PROF. MADYA DR. ANIDA SARUDIN
Jabatan Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TG. MALIM, PERAK.

Tarikh: 15 APRIL 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Besar, yang Maha Luas dan Maha Berkuasa kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menghabiskan penulisan ilmiah ini sehingga ke penghujungnya dengan penambahan tempoh pengajian yang sangat lama kerana terdapat hal-hal tertentu yang menyebabkan pengajian ijazah sarjana ini mengambil masa yang begitu lama untuk disiapkan.

Pertama sekali, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Anida Binti Sarudin, iaitu penyelia saya yang sering membantu saya untuk menghabiskan penulisan ilmiah saya ini siang dan malam untuk memberi perisian, dokumen, artikel-artikel contoh dan sebagainya.

Kedua, tidak terkata ucapan ribuan terima kasih kepada ayah dan emak (Mior Zulbahri dan Jaayah) kerana sudi membantu secara tidak langsung, memberi idea-idea untuk menghasilkan tajuk kajian, tidak putus mendoakan kejayaan saya dan sentiasa memberi sokongan yang padu.

Terakhir saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada IPS (Unit Penyeliaan) kerana sudi memberi saya tempoh perlanjutan tarikh untuk menghantar disertasi secara lewat kerana kekangan masa untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis mengenai sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu mengenai budaya masyarakat Melayu berdasarkan simpulan bahasa berasaskan anatomi mulut. Terdapat tiga objektif yang telah dikaji iaitu, mengenal pasti makna konteks leksikal dalam metafora anatomi mulut di dalam media sosial, objektif kedua adalah menganalisis domain makna metafora dalam simpulan bahasa berasaskan anatomi mulut berdasarkan Teori Inkuisitif bagi menjelaskan pemikiran masyarakat Melayu dan objektif ketiga adalah untuk menghuraikan justifikasi domain makna metafora dalam simpulan bahasa mengikut perspektif budaya dan akal budi masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan mengutamakan kaedah analisis kandungan kerana dapat menganalisis ciri-ciri perbualan dan penulisan yang dituturkan oleh masyarakat Melayu. Analisis kandungan yang digunakan ialah analisis kandungan relational, iaitu analisis makna yang mempunyai hubungan sesuatu konsep yang terdapat dalam sesuatu kandungan bahan yang diuji. Kaedah kajian ini juga menggunakan dua instrumen, iaitu pertama borang senarai semak bagi empat buah kamus untuk mencari makna atau maksud yang bersesuaian dan kedua borang senarai semak untuk menganalisis makna simpulan bahasa melalui platform media sosial. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran masyarakat Melayu sememangnya mencipta simpulan bahasa berdasarkan anatomi mulut yang mempunyai perkaitan yang kuat dengan sifat manusia semula jadi. Oleh demikian, kajian ini membuktikan bahawa simpulan bahasa yang telah tercipta sememangnya mempunyai kaitan berdasarkan sikap dan tingkah laku yang dipaparkan oleh masyarakat Melayu. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan anatomi mulut yang diambil daripada tiga simpulan bahasa seperti ‘mulut murai’, ‘mulut tempayan’ dan ‘perang mulut’ menunjukkan bahawa persamaan sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu dapat menonjolkan sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu dari sudut baik dan buruk. Implikasi kajian ini adalah masyarakat dapat mengetahui sikap dan tingkah laku masyarakat dahulu hingga kini dan boleh dijadikan teladan untuk perkara yang baik.





ANALYSIS OF MOUTH ANATOMY SYMBOLISM MALAY IDIOMS FROM THE CULTURE PERSPECTIVE OF MALAY SOCIETY

ABSTRACT

This study aims to analyze the attitudes and behaviors of Malay society regarding Malay culture based on idioms centered on mouth anatomy symbolism. Three objectives were studied: first, to identify the lexical contextual meanings of mouth anatomy metaphors in social media; second, to analyze the metaphorical meaning domains in idioms based on mouth anatomy using Inquisitive Theory to explain Malay thought processes; and third, to elaborate on the justification of metaphorical meaning domains in idioms according to Malay cultural perspectives and wisdom. This study employs a qualitative research design prioritizing content analysis method as it can analyze the conversational and writing characteristics expressed by Malay society. The content analysis used is relational content analysis, which analyzes meanings that have relationships with concepts found in the tested material content. The research method also uses two instruments: first, a checklist form for four dictionaries to find appropriate meanings or definitions, and second, a checklist form to analyze the meanings of idioms through social media platforms. The findings of this study indicate that Malay thought processes indeed create idioms based on mouth anatomy that have strong connections with natural human characteristics. Therefore, this study suggests that the created idioms indeed have connections based on the attitudes and behaviors displayed by Malay society. In conclusion, this study shows that mouth anatomy taken from three idioms such as 'mulut murai' (magpie mouth), 'mulut tempayan' (jar mouth), and 'perang mulut' (war of words) demonstrates that the similarities in Malay society's attitudes and behaviors can highlight both positive and negative aspects of Malay society's attitudes and behaviors. The implication of this study is that society can understand the attitudes and behaviors of people from the past until now and can use them as examples for good things.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	8
1.2 Pernyataan Masalah	13
1.3 Objektif Kajian	18
1.4 Persoalan Kajian	18
1.5 Batasan Kajian	19
1.6 Kepentingan Kajian	22
1.6.1 Panduan Pembentukan SB Berdasarkan Metafora	23



1.6.2	Melestarikan Penyampaian Makna Tersirat SB	24
1.6.3	Wahana Mendidik Peradaban Bangsa	25
1.6.4	Menambah Pengetahuan Terhadap Rujukan Khazanah	25
1.7	Kerangka Teoritikal	26
1.8	Definisi Operasional	28
1.9	Rumusan	37

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	38
2.1	Metaforan Konseptual	39
2.2	Metafora Dalam SB Sebagai Kajian Makna Inkuisitif	40
2.3	Kajian Anatomi Manusia Dalam SB	47
2.4	Kajian Lepas Mengenai Masyarakat Melayu	55

2.5	Rumusan	55
-----	---------	----

BAB 3 METEDOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	56
3.1	Reka Bentuk Kajian	56
3.2	Kaedah Kajian	60
3.3	Instrumen Kajian	62
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	63
3.4.1	Proses Pengumpulan Makna Menggunakan Kamus	67
3.4.2	Proses Pengumpulan Data Menggunakan MS	68
3.5	Prosedur Penganalisan Data	70
3.5.1	Analisis Makna Dalam Perkamusan	70
3.5.2	Proses Analisis Data Menggunakan MS	72



3.5.3	Prosedur Analisis Infrens Domain	74
3.6	Rumusan	76
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	77
4.1	Perbincangan Dapatan Kajian	78
4.2	Hasil Dapatan Kajian	80
4.2.1	Makna Konteks Leksikal Anatomi Mulut Dalam MS	80
4.2.2	Makna Metafora SB Berdasarkan Teori Inkuisitif	86
4.2.3	Justifikasi Domain Makna Metafora Dalam SB Dari Persektif Budaya Masyarakat Melayu	116
4.3	Rumusan	122
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.0	Pengenalan	123
5.1	Perbincangan	124
5.2	Cadangan Kajian	126
5.3	Rumusan	127
5.4	Penutup	122
RUJUKAN		129
LAMPIRAN		





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kekerapan Kajian Mengenai Anatomi Mulut	21
3.1	Senarai Kekerapan dan Peratusan Anatomi Mulut	64
3.2	Empat Jenis Kamus Untuk Merujuk Makna Simpulan Bahasa	65
3.3	Jadual Senarai Semak Makna SB Berdasarkan Kamus	67
3.4	Jadual Jenis Mulut Dan Makna Simpulan Bahasa	71
3.5	Data Media Sosial Mengikut Jenis Mulut	73
3.6	Prosedur Analisis Infrens Domain	75
4.1	Makna Simpulan Bahasa	82
4.2	Makna Konteks Leksikal Dalam Metafora Anatomi Mulut	83
4.3	Domain Makna Metafora Berdasarkan Kategori SB	87
4.4	Simpulan Bahasa Mulut Tempayan	89
4.5	Eksplikatur Mulut Tempayan Dan Bentuk Logik	91
4.6	Data Korpus DBP Mulut Tempayan	93
4.7	Simpulan Bahasa Perang Mulut	98
4.8	Eksplikatur Perang Mulut Dan Bentuk Logik	100
4.9	Data Korpus DBP Perang Mulut	102
4.10	Simpulan Bahasa Mulut Murai	108
4.11	Ekspilikatur Mulut Murai dan Bentuk Logik	109



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teoretikal Pendekatan Semantik Inkuisitif	26
3.1	Proses Pengumpulan Data Melalui Media Sosial	69
4.1	Teori Inkuisitif Mulut Tempayan	88
4.2	Proses Ad-Hoc Penyempitan Makna Mulut Tempayan	95
4.3	Mulut Tempayan	97
4.4	Proses Ad-Hoc Penyempitan Makna Perang Mulut	103
4.5	Perang Mulut	105
4.6	Pantun Perang Mulut	107
4.7	Proses Ad-Hoc Penyempitan Makna Mulut Murai	111
4.8	Mulut Murai	115
4.9	Gambar Mulut & Tempayan \	119
4.10	Gambar Mulut & Burung Murai	120
4.11	Gambar Mulut & Perbalahan	121





SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
FB	Facebook
IG	Instagram
MS	Media Sosial
MT	Metafora Teoritikal
PB	Peribahasa Melayu
RRS	Rangka Rujuk Silang
SB	Simpulan Bahasa
SI	Semantik Inkuisitif
YT	Youtube





SENARAI LAMPIRAN

A	Perakuan Keaslian
B	Borang Pengesahan Disertasi
C	Penghargaan
D	Abstrak
E	Abstract
F	Senarai Kandungan
G	Senarai Jadual
H	Senarai Rajah
I	Senarai Singkatan
J	Senarai Lampiran
K	Bab 1
L	Bab 2
M	Bab 3
N	Bab 4
O	Bab 5
P	Rujukkan
Q	Lampiran





BAB 1

PENDAHULUAN



1.0

Pengenalan



Pada bab ini akan menerangkan mengenai pengenalan secara menyeluruh mengenai penulisan yang akan dilaksanakan. Namun begitu, bab satu ini akan memberi fokus terhadap perincian topik seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kepentingan dan batasan kajian serta definisi operasional. Dalam bab satu ini juga mengupas mengenai pengkajian yang akan dilakukan. Pengkajian yang dilakukan mengenai semantik atau secara umumnya dikenali sebagai makna. Makna mengenai metafora terhadap perlambangan anatomi manusia berdasarkan mulut yang mempunyai perkaitan dengan simpulan bahasa. Masyarakat Melayu mempunyai budi bahasa, akal budi, pertuturan yang sopan santun dan sebagainya yang melambangkan identiti seseorang Melayu. Namun begitu, adakah perbuatan yang dilakukan mempunyai keselarian dengan sifat dan sikap yang





ditunjukkan? Oleh demikian, hal ini akan dibincangkan melalui topik yang akan diketengahkan.

Meninjau pandangan para sarjana mengenai sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu amat berkait rapat dengan falsafah, akal pemikiran dan budi bahasa. Oleh itu, bahasa yang digunakan tidak lari dengan bahasa kiasan yang mana ia terangkum dalam satu kategori, iaitu peribahasa. Peribahasa pada mulanya dikenali sebagai bahasa kiasan yang telah lama wujud sejak berabad-abad lamanya dan diturunkan dari generasi ke generasi. Bahasa kiasan ini sentiasa meniti di bibir masyarakat Melayu terutama dalam kalangan generasi tua. Bahasa kiasan ini tidak asing dengan generasi muda bak kata peribahasa “tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas”. Hal ini kerana bahasa kiasan ini sentiasa wujud dan tidak pernah dimamah usia walaupun kini negara Malaysia bukan sahaja pesat dengan teknologi moden serba canggih malah kosa kata bahasa jugak diperluaskan dan diperbanyakkan namun, bahasa kiasan ini atau peribahasa sentiasa ada kerana bahasa kiasan ini sentiasa digunakan oleh generasi tua kerana pemikiran masyarakat Melayu dapat disampaikan secara tersurat dan tersirat dalam peribahasa Melayu. Pemikiran dalam peribahasa Melayu turut menyerlahkan satu gambaran nilai sosial, nilai moral, dan fungsi adat dalam kehidupan bermasyarakat sekali gus menonjolkan falsafah bangsa Melayu (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011).

Sungguhpun bagitu, remaja kini tidak mengetahui rangkai kata atau simpulan bahasa secara literal mahupun secara makna kiasan kerana mereka tidak terbiasa dengan rangkai kata tersebut yang mengakibatkan makin lama makin ‘pupus’ simpulan bahasa meniti di bibir para remaja kini. Selain itu, terdapat remaja kini yang





hanya mengetahui sekadar frasa biasa sahaja dan tidak mengetahui secara mendalam. Hal ini disokong oleh Y.-L. Chan dan SA Marinellie (B) (2008), menjelaskan melalui kajian mereka bahawa remaja lebih terdedah mengetahui dan mengenal pasti mengenai makna tersurat atau literal sahaja berbanding mengetahui dan mengenal pasti makna tersirat atau konotasinya.

Sehubungan itu, terdapat remaja kini yang mengenal dan mengetahui peribahasa dan simpulan bahasa sekadar pengetahuan am sahaja dan tidak disemat ke dalam ingatan untuk berfikir secara logik dan rasional mengapa rangkai kata yang dicantum mewujudkan simpulan bahasa. Pengetahuan ini diperoleh apabila remaja kini selalu mendengar ungkapan yang sama atau berulang kali disebut menyebabkan mereka telah terbiasa dengan ungkapan yang sama dan tidak dipelbagaikan. Cristina Cacciari Roberto Padovani & Paola Corradini (2015), telah membuat sebuah kajian yang bertajuk 'Exploring the relationship between individuals speed of processing and their comprehension of spoken idioms' pada tahun 2013. Kajian mereka telah membuktikan bahawa kelajuan dan kepintasan remaja dapat terungkap apabila mereka sentiasa menggunakan simpulan bahasa atau peribahasa yang sama sahaja setiap kali melaksanakan karangan. Hal ini menunjukkan keterbatasan penggunaan simpulan bahasa atau peribahasa remaja semasa menulis karangan apabila guru meminta mereka untuk menulis atau memberi rangkai kata simpulan bahasa atau ungkapan peribahasa yang baharu menunjukkan mereka tidak mampu melaksanakannya.

Justeru, tindakan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tepat dan memberi impak yang tinggi apabila jabatan tersebut telah





menggubal Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) meletakkan aspek seni bahasa yang perlu dipelajari oleh murid-murid dan pelajar-pelajar sekolah sebagai keutamaan yang harus dipelajari walaupun merupakan sampingan kepada tiga kemahiran asas utama. Dalam DSKP, aspek seni bahasa juga tertumpu terhadap peribahasa yang mana juga memberi fokus terhadap simpulan bahasa. Hal ini menunjukkan bahawa peribahasa harus diperkenalkan dan dipelajari kepada generasi baharu dan perlu dimantapkan dengan mengikut perubahan masa. Tindakan yang dilakukan oleh pihak KPM dengan mengutamakan aspek seni bahasa dan bertumpu terhadap peribahasa amat benar kerana selari dengan pandangan Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail (2016), menjelaskan bahawa peribahasa perlu dipraktikkan, dipelajari, dihayati dan diaplikasikan penggunaannya terutama dalam kalangan generasi muda untuk mempunyai nilai budi pekerti ketika bertutur, berkomunikasi dan sekali gus mencerminkan sikap, tingkah laku dan akal budi.

Peribahasa terbahagi kepada empat kategori, iaitu simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan Za'ba (1965), iaitu suatu ungkapan yang membawa makna tersirat. Ungkapan tersirat ini digunakan oleh nenek moyang kita semasa hendak menegur secara berlapik dan menyampaikan hasrat secara berkias agar pendengar tidak tersinggung hati dengan ungkapan yang disampaikan. Setiap kategori peribahasa ini menjadi wadah terhadap penutur untuk menyampaikan atau membicarakan mengenai sesuatu. Dari zaman dahulu sehingga zaman sekarang pelbagai peribahasa telah dilakukan oleh sarjana- sarjana dan tokoh-tokoh ilmunan membuat kajian mengenai peribahasa dan kajian yang berkait. Contohnya, Za'ba melakukan kajian terhadap peribahasa pada sekitar tahun 1965, Asmah Hj. Omar (1973), Rahman





(2017) dan pelbagai lagi. Kajian terhadap peribahasa banyak dilakukan oleh tokoh ilmuan bahasa, pengkaji bahasa, pensyarah dan sebagainya.

Ramly (1990), menjelaskan bahawa peribahasa banyak menyerapkan penggunaan atau lambang alam sekeliling bagi membentuk makna yang tepat dan padat. Hal ini terhasil daripada pemerhatian, pandangan yang tajam serta pengalaman mereka sendiri dengan alam sekeliling mereka. Hasil daripada pemerhatian dan analisis yang teliti dikaitkan dengan metafora secara semantik yang menunjukkan sesuatu itu dikias kerana perlambangan metafora terhadap sesuatu tepat pada sasaran yang hendak ditujukan. Malah terdapat peribahasa alam metafora yang menunjukkan bahawa perlambangan metafora ini mempunyai kajian khas yang menghuraikan peribahasa kepada beberapa sub golongan.



Oleh sebab itu, pelbagai kajian mengenai peribahasa secara umum telah dilakukan oleh para sarjana, pengkaji, tokoh ilmuan dan sebagainya maka penulisan ini lebih menumpukan terhadap kategori simpulan bahasa yang dapat berkait rapat dengan metafora inkuisitif secara perlambangan. Hal ini kerana menurut Za'ba (1965), simpulan bahasa sebagai sebuah ungkapan dan membawa maksud rangkaian perkataan yang telah tetap tersimpul dengan susunan yang khas dan digunakan dengan makna yang khas berlainan daripada asalnya. Manakala, Abdullah Hussain (1990), menjelaskan simpulan bahasa sebagai perkataan kata yang tertentu untuk menunjukkan sesuatu maksud lain daripada maksud awalnya. Ini jelas menunjukkan bahawa simpulan bahasa menunjukkan peranannya yang tersendiri dalam erti berbahasa oleh masyarakat terdahulu. Selain itu, membawa makna masyarakat





Melayu menyampaikan kata-kata dengan cara yang tersendiri dan diikuti dengan hemah yang tinggi.

Justeru, simpulan bahasa yang mempunyai gayanya tersendiri dalam penghasilannya akan digabungkan bersama-sama metafora yang menunjukkan perlambangan untuk menyelusuri bagaimana pemikiran masyarakat dahulu menggabungkan metafora terhadap perlambangan anatomi manusia yang dapat menghasilkan simpulan bahasa kerana metafora yang dicipta oleh sesebuah masyarakat mempamerkan pengalaman, persekitaran, nilai dan emosi daripada perspektif budaya seseorang individu yang dapat mengetahui struktur ilmu alam dan taburan masyarakatnya menerusi sesebuah budaya (Aziz Deraman, 2007).

Hal ini demikian kerana mempunyai perkaitan dengan metafora berbentuk inkuisitif yang merupakan mekanisme untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit dengan meninjau, menganalisis dan menghurai cara-cara perlambangan yang disandarkan kepada metafora dalam menghasilkan simpulan bahasa. Metafora juga mempunyai peranannya tersendiri kerana metafora sifatnya bukanlah semata-mata daripada harfiahnya tetapi sarat dengan falsafah yang dapat membawa kefahaman terhadap budaya masyarakat Melayu (Hashimah Jalaluddin, 2020). Sehubungan itu, metafora juga dapat dibentuk dengan adanya objek khusus yang mempunyai perkaitan dengan makna yakni makna yang terangkum dalam simpulan bahasa, peribahasa simile dan pantun yang dapat menggambarkan sesuatu rangkaian kata dikaitkan dan dapat mewujudkan perkataan baharu yang dapat memberi kepada makna.





Hal ini kerana umum mengetahui bahawa metafora merupakan ungkapan yang mempunyai rantaian perkataan tetapi mempunyai makna yang berbeza dengan perkara-perkara yang terungkap secara harfiah Hassan (dalam Hashimah, 2020). Selain itu, metafora juga mengandungi makna abstrak yang kerap digunakan dalam kehidupan kita tanpa kita menyedari kehadirannya dan ia juga bukan bunga-bunga bahasa atau bahasa yang menyeleweng daripada bahasa harfiah (secara literal). Menurut Hassan (dalam Hashimah, 2020) menjelaskan bahawa metafora mempunyai fungsi kognitif, iaitu untuk membentuk fikiran dan makna yang luar biasa dan makna yang bersifat abstrak atau konseptual.

Terdapat dua jenis metafora, iaitu Metafora Tradisional (MT) dan Metafora Linguistik (MK). Kedua-dua metafora ini mempunyai fungsi tersendiri yang mana kewujudannya menggambarkan sesuatu yang lain. Menyelusuri mengenai kajian Metafora Tradisional (MT) yang mengandungi simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan, bidalan malah pantun juga ada kerana semua ungkapan ini mempunyai makna tersirat dan makna abstrak yang memerlukan interpretasi semantik yang mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengumpul lapan puluh satu (81) simpulan bahasa mengenai anatomi manusia. Lapan puluh satu perkataan ini dirangkaikan mengenai pemikiran masyarakat Melayu yang mencipta simpulan bahasa berdasarkan perlambangan melalui metafora inkuisitif.

Sehubungan dengan itu, metafora inkuisitif ini akan memperlihatkan perkaitan antara hubungan sikap, sifat dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu pada zaman kini yang lebih beragam dan telah mengabaikan sedikit demi sedikit mengenai budi bahasa, akal fikiran, budaya Melayu yang bertatasusila dan bersopan santun





kerana budaya masyarakat Melayu pada era kini lebih kepada budaya kecam-mengecam sama ada melalui lisan (pertuturan) mahupun penulisan. Oleh itu, penggunaan perlambangan metafora berdasarkan simpulan bahasa, iaitu entiti mulut digunakan dan dikaitkan dengan metafora kerana masyarakat Melayu amat erat dengan alam sekeliling dan lingkungan kehidupan mereka seperti deria, anggota tubuh badan dan hati telah dijadikan analogi metafora yang berguna untuk dijadikan sebuah ungkapan yang menarik Asmah (dalam Hashimah Jalaluddin, 2020)

Rentetan itu, sifat manusia yang mempunyai kecerdasan kreatif telah menggunakan keadaan alam sekeliling termasuk anggota tubuh badan dan deria rasa untuk membentuk persepsi berdasarkan perkara-perkara yang dilihatnya. Dari sudut persepsi timbul konseptualisasi yang membolehkan manusia menggunakan lambang bahasa untuk merakamkan fikiran dan pengalamannya.



1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), dalam peribahasa yang mempunyai pelbagai kategori, iaitu simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan terpancarnya hubungan antara bahasa dengan pemikiran bangsa Melayu dan hal ini didukung oleh Sapir dan Whorf (1921), yang menjelaskan bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya dan cara seseorang penutur berfikir dalam bahasanya tergambar menerusi penggunaan sesuatu perkataan dengan lebih meluas kerana bahasa adalah sebahagian daripada integral yang menjadi sebahagian daripada hidup manusia. Sehubungan itu, pandangan daripada (Abdul Rahman, 2017 dalam Mohd Rizuan Md





Nasir & Fatimah Subet,2018) mengenai pembentukan peribahasa Melayu tidak dapat diketepikan kerana pandangan yang dilontarkan juga menyokong pandangan sarjana sebelum ini.

Peribahasa Melayu dapat diklasifikasikan kepada empat pengkhususan seperti simpulan bahasa (berlainan tetapi mempunyai makna yang sama atau mempunyai dua makna), perumpamaan (menyebut perbandingan dan tidak menyebut perbandingan), pepatah (susunan bahasa yang mudah) serta bidalan (susunan bahasa yang menarik dan mudah). Bahasa juga dapat menyerap dalam setiap fikiran dan cara seseorang penutur itu memandang dunianya yang mempunyai hubungan erat antara pemikiran masyarakat, bahasa dan budaya (von Humboldt, 1767). Sehubungan itu, terdapat sebaris cogan kata yang berbunyi ‘Bahasa menunjukkan bangsa’ kata hikmat ini tidak salah didengar dan memang benar kewujudannya kerana menurut sarjana Melayu yang menyifatkan bahawa terdapat hubungan intrinsik antara bahasa, sikap, pemikiran dan perilaku sesuatu bangsa yang dapat di identifikasi melalui pemakaian bahasa termasuklah dalam peribahasa yang terbahagi kepada beberapa kategori.

Hal ini termasuklah dalam simpulan bahasa yang akan dikaji oleh pengkaji untuk meninjau sifat, sikap dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu melalui perlambangan metafora, iaitu entiti mulut. Sungguhpun begitu, tidak dapat dikatakan tidak bahawa segelintir masyarakat Melayu mempunyai sikap dan tingkah laku atau perbuatan yang negatif. Dalam perumpamaan ada mengatakan ‘dalam setandan pisang tidak semua buah busuk dan tidak semua buah baik’. Begitulah perumpamaan terhadap masyarakat Melayu yang sememangnya mempunyai sikap dan tingkah laku atau perbuatan yang negatif termasuklah aspek bahasa walaupun





bahasa yang dituturkan mempunyai lambang kesopanan, berbudi, bertatasusila namun masih terdapat kelompongan yang perlu akur bahawa kelompongan tersebut perlulah ditutup dengan cara dididik, diajar, diasuh oleh pelbagai pihak khususnya peranan ibu bapa dan guru-guru di sekolah.

Hal ini dibuktikan dengan pandangan pandangan dan pendapat Swettenham (1987), iaitu beliau telah membuat sebuah kesimpulan mengenai pandangan dan pendapat beliau mengenai masyarakat Melayu dalam karyanya yang bertajuk Malay Sketches mengenai kehidupan masyarakat Melayu. Menurut pandangan dan pendapat beliau, 'jika seseorang ingin mengetahui masyarakat Melayu, seseorang itu haruslah menetap di Tanah Melayu, mengetahui bahasa dan budaya tingkah lakunya'. Di dalam karya beliau terdapat kisah-kisah positif masyarakat Melayu yang diceritakan.



Terdapat kisah-kisah negatif masyarakat Melayu yang dibicarakan oleh Swettenham, antaranya ialah pertama, masyarakat Melayu gemar meminjam wang tetapi agak sukar untuk membayar semula. Kedua, masyarakat Melayu gemar mengambil tahu jiran tetangga serta membawa mulut ke sana dan sini untuk menceritakan keperibadian seseorang. Ketiga, masyarakat Melayu gemar mempercayai perkara-perkara tahyul dan sebilangan masyarakat Melayu gemar membela jin untuk melindungi diri sendiri dan sebagainya (Frank Swettenham,1987). Terdapat banyak lagi sifat-sifat, keperibadian, tingkah laku dan perbuatan yang dianalisis oleh Swettenham. Namun, pengkaji ingin mengetengahkan sikap dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu yang dibicarakan oleh Swettenham mengenai sikap dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu yang kedua, iaitu gemar mengambil tahu dan mengambil berat hal-hal dan masalah jiran tetangga





sehingga melakukan buah mulut, yakni dalam penggunaan bahasa moden kini diistilahkan sebagai mengumpat atau dalam era abad ke-21 ini dikenali sebagai ‘membawang’.

Hal ini kerana pengkaji ingin membuat kajian berdasarkan entiti mulut yang mempunyai hubungan antara sikap dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu. Sehubungan itu, sikap, sifat dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu yang gemar mengambil tahu dan prihatin terhadap jiran tetangga yang kemudiannya menyebarkan cerita secara mengumpat tidak pupus ditelan dek zaman kerana sikap dan tingkah laku atau perbuatan sedemikian telah ‘berevolusi’ dengan cara yang lain walaupun menggunakan konsep yang sama, iaitu dengan menyebarkan melalui penulisan menggunakan teknologi yang serba canggih dan moden melalui aplikasi dalam internet seperti Facebook, Twitter, Instagram, Blog, Youtube dan sebagainya sehinggakan boleh mengaibkan seseorang dan seseorang yang tidak mengetahui hal keperibadian seseorang dapat mengetahui secara tidak langsung. Hal ini didukung oleh Pensyarah Kanan Pusat Kecemerlangan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (2020), dalam artikel Berita Harian yang menyatakan bahawa masyarakat kini amat gemar menyampaikan hal, masalah, berita-berita mengenai individu yang menceritakannya di dalam laman sesawang sehingga masyarakat dapat mengetahui.

Menurut beliau, perkara ini amat berbahaya kerana perkara ini dapat mengaibkan seseorang dan secara langsung menjadikan seseorang itu pembuli atau diistilahkan sebagai pembuli siber. Justeru, kajian ini akan memperlihatkan dan menjelaskan perkaitan hubungan mulut yang akan menunjukkan sikap dan tingkah





laku masyarakat dahulu hingga kini yang seharusnya ditutup oleh masyarakat kini dengan cara mempelajari dari aspek budaya, bahasa, falsafah dan pemikiran masyarakat serta agama agar generasi akan datang tidak akan melakukan perbuatan yang sama seperti dahulu kala.

Pensrukturan anatomi manusia berdasarkan mulut dalam metafora yang mewujudkan simpulan bahasa menunjukkan bahawa masyarakat Melayu memikirkan bahawa setiap yang ada di keliling mereka seperti diri sendiri dapat dijadikan simpulan bahasa kerana ia hampir dengan tingkah laku yang kita lakukan. Oleh itu, penggunaan metafora inkuisitif sebagai perlambangan anatomi manusia berdasarkan mulut akan menganalisis dan menghuraikan bagaimana cara makna terbentuk dari aspek perlambangan terhadap anatomi manusia kerana dalam domain metafora menunjukkan bahawa sesuatu perkara yang dilihat sebagai abstrak dapat juga dilihat sebagai sesuatu yang konkrit kerana ciri- ciri yang telah sedia ada bersama dengan metafora inkuisitif yang membawa kepada makna harfiah dan boleh membawa kepada makna tersirat. Hal ini demikian ditunjukkan bahawa pemikiran bangsa Melayu yang amat kreatif dalam usaha mendidik masyarakat Melayu dengan penuh berhemah bahkan dalam menegur juga dengan penuh sopan santun dan lemah lembut yang mana amat selaras dengan budaya masyarakat Melayu yang begitu menjaga adab, tertib dan perilaku yang baik (Parameswary, 2022).

Oleh itu, penggunaan metafora inkuisitif sebagai perlambangan anatomi manusia berdasarkan mulut akan menganalisis dan menghuraikan bagaimana Teori Inkuisitif dapat menunjukkan sikap dan sifat yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu yang amat ramah mesra dan amat prihatin terhadap kehidupan jiran





tetangga yang akan mengakibatkan cerita-cerita mengenai orang lain disampaikan kepada orang lain kerana menurut Aziz Deraman (2007), melalui budaya seseorang individu boleh mengetahui struktur ilmu, alam dan taburan masyarakatnya dengan kata lain mengetahui budaya, bermakna kita mengetahui world view atau pandangan terhadap kehidupan yang amat luas dalam dunia sesebuah masyarakat. Hal ini bermakna manusia berfikir dan membentuk konsep-konsep mengenai dirinya dan terhadap lingkungan sosialnya sehingga boleh memahami maksud yang tersirat dan memahami konteks (Hassan Ahmad, 2016).

Sehubungan itu, hal ini amat berkait rapat dengan metafora Melayu yang dibentuk melalui proses perumpamaan atau perbandingan yang bersifat analogi, kiasan, bidalan, yang disampaikan melalui simpulan bahasa. Masyarakat Melayu sering memilih perkataan berdasarkan kreativiti pemikiran mereka untuk menggambarkan mesej yang hendak disampaikan. Hal ini bermakna proses berfikir manusia bersifat bebas dan terbuka. Pelbagai bentuk metafora dihasilkan oleh masyarakat Melayu seperti metafora metafizik, metafora cerita, metafora personifikasi dan metafora metonimi. Pandangan ini disokong oleh Chomsky (1986) yang mengandaikan bahawa manusia mengetahui bahasanya secara intuitif yang membawa maksud manusia sememangnya mempunyai kebolehan seperti kecekapan linguitik (language competence). Hassan Ahmad (2016), mentakrifkan bahawa metafora sebagai bahan yang penting untuk mengkaji akal budi dan cara masyarakat Melayu berfikir dan memahami realiti dalam kehidupan. Oleh itu, penulisan ini mendalami mengenai metafora inkuisitif terhadap perlambangan anatomi manusia berdasarkan entiti mulut dalam simpulan bahasa.





1.2 Pernyataan Masalah

Metafora dalam simpulan bahasa membongkar minda masyarakat Melayu melalui pelbagai aspek siratan makna yang lebih konkrit dan jitu. Setiap perkataan dalam simpulan bahasa jelas menggambarkan keseluruhan hidup masyarakat Melayu secara lahiriah dengan menggunakan metafora terhadap perlambangan anatomi manusia berdasarkan entiti mulut. Metafora dalam simpulan bahasa juga telah menzahirkan segala makna yang tersirat untuk memberi makna akhiah terhadap masyarakat Melayu.

Tidak dinafikan bahawa anatomi manusia dalam simpulan bahasa telah dilakukan oleh para pengkaji simpulan bahasa mengenai anatomi manusia pernah dilakukan tetapi tidak secara mendalam yang mana terdapat pengkaji yang mengkaji anatomi manusia sebagai sebahagian anatomi manusia seperti kepala, tangan, kaki dan hati walhal anatomi manusia bukan sahaja tertumpu pada anggota badan seperti kepala, tangan dan hati sahaja malah banyak lagi. Oleh itu, dalam kajian ini akan menunjukkan peranan anatomi manusia yang membawa kepada penciptaan simpulan bahasa bersama-sama pemikiran masyarakat Melayu yang mengaitkan metafora dengan perlambangan anatomi manusia, iaitu mulut yang menunjukkan perhubungan antara sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu.

Sungguhpun begitu, sudah terdapat seorang pengkaji barat yang bernama Jonanthan Charteris Black (2009), mengkaji mengenai entiti mulut dalam peribahasa Melayu yang diberi tajuk karyanya, iaitu 'Speaking With Forked Tongue: A Comparative Study of Metaphor and Metonymy in English and Malay Phraseology'.





Namun, beliau tidak dapat mempertahankan mengapa entiti mulut ditunjukkan melalui gambaran negatif. Justeru, kajian ini akan menunjukkan perhubungan antara entiti mulut yang mempunyai perkaitan dengan emosi justeru akan membentuk sikap, sifat dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu ke arah negatif.

Sehubungan itu, pengkaji ingin mengkaji perlambangan anatomi berdasarkan entiti mulut yang menunjukkan sikap, sifat dan tingkah laku atau perbuatan manusia berdasarkan teori inkuisitif terhadap perlambangan metafora yang mempunyai perkaitan dengan penciptaan simpulan bahasa berdasarkan entiti mulut. Sehubungan itu, kajian ini juga akan meneliti sejauh mana perlambangan metafora berdasarkan entiti mulut dapat dihuraikan dan dianalisis sebagai lambang dalam pemikiran masyarakat Melayu yang akan menzahirkan tingkah laku dan perbuatan manusia terhadap sesuatu tindakan secara negatif. Selain itu, permasalahan kajian ini ingin meneliti bagaimana pula gambaran sifat, sikap dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu yang dapat dipetakan dengan menggunakan Teori Inkuisitif dapat dihuraikan dan diperjelaskan.

Selain itu, pernyataan masalah dalam kajian ini akan dirungkaikan, iaitu berdasarkan kajian-kajian lepas yang masih terdapat kajian masih kurang dilakukan oleh para sarjana mengenai simpulan bahasa yang mengaitkan dan menghubungkan tingkah laku dan perbuatan individu mengenai anatomi manusia. Walhal, secara terang dapat dilihat oleh kita bahawa setiap penciptaan simpulan bahasa mengenai anatomi manusia mempunyai perkaitan dalam kehidupan seharian kita yang berlaku sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Oleh itu, kajian ini akan





menunjukkan bahawa permasalahan yang wujud akan diketengahkan melalui pembuktian menggunakan satu teori, iaitu Teori Inkuisitif.

Di samping itu, terdapat permasalahan lain dalam kajian ini yang dapat dirungkai, iaitu mengenai keaburan makna terhadap simpulan bahasa. Terdapat rangkai kata yang menunjukkan kesamaran makna yang mengelirukan. Hal ini menyebabkan ramai remaja kini tidak mahu mengambil peduli mengenai rangkai kata tersebut. Sungguhpun begitu, simpulan bahasa yang mempunyai makna yang samar-samar ini tidaklah tidak dapat difahami secara tersirat namun masih mempunyai keaburan. Oleh itu, terdapat seorang pengkaji yang bernama Evelyn Milburn¹ dan Tessa Warren² telah membuat kajian yang bertajuk 'Idioms show effects of meaning relatedness and dominance similar to those seen for ambiguous words' pada tahun 2019 mengenai hubungan simpulan bahasa dengan makna kesamar-samaran yang menyebabkan segelintir remaja atau masyarakat yang masih tidak dapat memahami makna atau maksud simpulan bahasa dengan sempurna.

Sehubungan itu, terdapat juga pernyataan masalah yang sama seperti yang telah diujarkan yakni, masih terdapat kekurangan pengkajian oleh sarjana dalam bidang semantik. Kurangnya kajian dalam bidang semantik dalam metafora menyebabkan ramai para pengkaji ketinggalan mengenai hal tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini juga akan memaparkan bahawa kajian metafora dalam semantik amat penting dan berperanan untuk menunjukkan bahawa bidang bahasa itu meluas dan dapat dipelajari dari pelbagai aspek yang akan mewujudkan suatu tanggapan persepsi yang bertambah. Hal ini kerana kajian mengenai penelitian sama ada terdapat dua konstruk dengan kesan mantap pada pemprosesan maksud simpulan





bahasa yang samar-samar perkaitan makna dan penguasaan maknanya yang mempunyai pengaruh yang sama pada pemrosesan simpulan bahasa.

Penelitian menunjukkan bahawa pertama terdapat simpulan bahasa dengan makna kiasan secara literal yang lebih mempunyai perkaitan yang dapat dibaca dengan lebih cepat. Kedua, perkaitan makna dan penguasaan makna berinteraksi untuk mendorong penelitian terhadap simpulan bahasa seperti yang dilakukan pada perkataan polisemi. Penemuan ini konsisten dengan sistem pemahaman bahasa yang menyelesaikan kekaburan yang sama tanpa mengira kesusasteraan dan aspek seni bahasa serta dari golongan kata yang lain.

Selain itu, dari aspek pendidikan, iaitu di sekolah guru-guru sentiasa mengajar aspek seni bahasa seperti yang tertera dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) yang mana guru perlu mengajar peribahasa yang mempunyai empat jenis, iaitu simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan. Guru yang mengajar simpulan bahasa secara tidak langsung telah pun mengajar anatomi manusia yang mempunyai perkaitan dengan kehidupan secara sikap dan tingkah laku atau perbuatan masyarakat Melayu tetapi ia tertumpu semata-mata pada tema yang diajar pada hari kejadian. Oleh itu, ia memperlihatkan bahawa pernyataan masalah di sini menunjukkan ketidaksempurnaan semasa mengajar. Sewajarnya guru dapat mengajar di luar pemikiran murid-murid dan pelajar serta mengajar berdasarkan pemikiran aras tinggi dengan cara menunjukkan 'fenomena' pembelajaran dengan menunjukkan kehidupan yang sebenar melalui simpulan bahasa.





Seterusnya, pemasalahan kajian yang dapat dirungkaikan ialah mengenai entiti mulut yang mempunyai perkaitan dengan simpulan bahasa dalam platform media sosial yakni, dunia secara maya yang diterajui pelbagai bangsa, agama, budaya dan sebagainya yang wujud dalam media sosial seperti Instagram, facebook, youtube dan sebagainya. Media sosial merupakan medium yang dapat menghubungkan manusia seluruh dunia secara dalam talian dengan mudah. Kemudahan tersebut telah mempengaruhi ramai pengguna daripada pelbagai golongan yakni, golongan muda mahupun dewasa. Penyebaran maklumat akan berjalan dengan lebih pesat dengan adanya platform media sosial (Ainal Akmar Ahmad, Yahya, Hashim dan Mahmor, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa sikap, sifat dan tingkah laku atau perbuatan untuk ‘membawang’ dan menyebarkan berita secara sahih atau tidak sahih terjadi dengan laju dan pantas. Di sini dapat dilihat bahawa sesuatu ‘budaya’ itu dapat dikaitkan dengan simpulan bahasa yang mempunyai perlambangan metafora dan entiti mulut.

Berdasarkan pernyataan masalah ini, pengkaji akan merungkai perkaitan perlambangan metafora yang mempunyai perkaitan dengan entiti mulut dapat diterjemahkan dalam bentuk penulisan yang mana ia dilihat dari aspek penulisan. Kini, ramai pengguna menggunakan platform media massa sebagai perantara untuk membicarakan mengenai sesuatu, menyampaikan sesuatu, menceritakan tentang sesuatu dan menghebahkan sesuatu dengan cara yang benar atau tidak benar (Ragam Bahasa Komen Instagram Berkaitan Berita Palsu Situasi Gelombang Kedua Pandemik COVID-19, 2022). Oleh itu, pengkaji akan merungkaikan ragam bahasa sosial yang diambil daripada instagram dan facebook untuk melihat ragam bahasa seperti ragam bahasa sindiran, ragam bahasa mengejek, ragam bahasa tempelak,





ragam bahasa herdik dan ragam bahasa melampau yang mempunyai perkaitan dengan perlambangan metafora simpulan bahasa mengenai entiti mulut.

1.3 Objektif Kajian

Pengkaji telah menetapkan hanya tiga objektif saha yang dibina. Antaranya seperti berikut:

1.3.1 Mengenal pasti makna konteks leksikal dalam metafora anatomi mulut di media sosial.

1.3.2 Menganalisis domain makna metafora dalam simpulan bahasa berasaskan anatomi mulut berdasarkan Teori Inkuisitif bagi menjelaskan pemikiran masyarakat Melayu.

1.3.3 Menghuraikan justifikasi domain makna metafora dalam simpulan bahasa berasaskan anatomi mulut dalam perspektif asosiasi budaya dan akal budi masyarakat Melayu.

1.4 Persoalan Kajian

Berikut merupakan tiga persoalan daripada objektif kajian:

1.4.1 Apakah makna konteks leksikal dalam metafora anatomi mulut di media sosial?





1.4.2 Bagaimanakah domain makna metafora dalam simpulan bahasa berasaskan anatomi mulut berdasarkan Teori Inkuisitif untuk menjelaskan pemikiran masyarakat Melayu?

1.4.3 Sejauhmanakah justifikasi domain makna metafora dalam simpulan bahasa berasaskan anatomi mulut dalam perspektif asosiasi budaya dan akal budi masyarakat Melayu?

1.5 Batasan Kajian

Kajian yang akan dilaksanakan dilaksanakan oleh pengkaji mempunyai had dan terbatas pada sesuatu perkara. Dalam kajian ini, pengkaji telah membataskan peribahasa kepada simpulan bahasa sahaja. Dalam simpulan bahasa hanya mempunyai dua patah perkataan sahaja menurut Za'ba (2000) maka pengkaji membataskan kepada perkataan mulut sahaja. Berdasarkan perkataan mulut, pengkaji menganalisis pelbagai jenis mulut yang terdapat dalam simpulan bahasa. Di samping itu, simpulan bahasa juga dikategorikan kepada dua domain utama, iaitu domain sikap dan tingkah laku. Kedua-dua domain ini dibatasi menerusi skala pendefinisian iaitu, sikap merujuk kepada bentuk pemikiran, perasaan dan tindak balas seseorang terhadap sesuatu. Manakala, tingkah laku merujuk kepada perbuatan seseorang atau masyarakat melalui pemikirannya.

Sehubungan itu, pengkaji membataskan instrumen kajian kepada sumber maya. Penggunaan sumber maya seperti data platform media sosial. Kamus yang akan digunakan ialah kamus Simpulan Bahasa berlainan para penulis yang akan





diberi tumpuan terhadap makna atau maksud mulut sahaja. Sungguhpun begitu, pengkaji telah membataskan pemilihan jenis entiti mulut, iaitu tidak semua simpulan bahasa mengenai mulut diambil. Pengkaji hanya memilih entiti mulut yang menunjukkan sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu antara pemilihan entiti mulut ialah pertama mulut tempayan, kedua mulut murai dan ketiga perang mulut. Berdasarkan 28 jenis mulut yang diambil daripada data platform media sosial hanya tiga jenis sahaja yang diambil, iaitu (mulut tempayan), (mulut murai) dan (perang mulut) untuk menggambarkan sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu yang pada awalnya mempunyai sikap keprihatinan terhadap jiran tetangga namun ia boleh berubah menjadi suatu perkara atau tingkah laku yang tidak baik kerana ia boleh memburukan orang lain kepada orang lain.



Selain itu, kajian mengenai entiti mulut dalam perlambangan metafora telah disaring dan medomainkan mengikut acuan yang telah ditetapkan agar penyelidikan yang hendak dilakukan oleh pengkaji tidak terkeluar daripada landasan yang telah dibataskan. Selain itu, kajian ini juga akan dibataskan dengan menggunakan peranan data korpus daripada DBP untuk rujukan kolokasi sesuatu perkataan yang dapat menunjukkan sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu.

Kajian ini juga hanya menggunakan semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang dapat menggabungkan data, teori, kognitif, konsep ad-hoc, falsafah dan budaya penuturnya sehingga mampu mencungkil akal budi masyarakat Melayu khususnya dan Rangka Rujuk Silang (RRS) juga diaplikasikan dalam kajian ini untuk memperlihatkan maklumat konteks dan kesan kognitif untuk memenuhkan ruang mental untuk memastikan kos memproses maklumat menjadi rendah dan metafora



akan mudah difahami. Selain itu, kajian ini hanya tertumpu pada simpulan bahasa yang mempunyai entiti mulut sahaja dan tidak semua simpulan bahasa mulut diambil semuanya. Entiti mulut mengenai simpulan bahasa disaring dan dianalisis untuk menunjukkan budaya masyarakat Melayu yang suka kecam-mengecam dalam aspek pertuturan dan penulisan sikap dan tingkah laku atau perbuatan tersebut akan dianalisis melalui analisis kandungan terhadap korpus dan artikel-artikel di dalam media sosial. Jadual di bawah menunjukkan kekerapan mengenai kajian anatomi manusia yang dilakukan sebagai kajian.

Jadual 1.1

Kekerapan Kajian Anatomi Mulut

Bil	Anatomi Manusia	Kekerapan
1.	Kaki	3
2.	Tangan	3
3.	Kepala	1
4.	Lidah	1
5.	Muka	1
6.	Darah	1
7.	Mulut dan bibir	1
8.	Mata	2
9.	Hati	1
10.	Telinga	2

Berdasarkan jadual di atas, kekerapan kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu mengenai simpulan bahasa berasaskan anatomi manusia. Pelbagai anatomi manusia telah dikaji oleh pengkaji dan penyelidik serta telah ditemui jawapan kepada kajian yang dilaksanakan. Namun, penyelidikan mengenai entiti mulut dalam kajian ini bagi mengaitkan dengan sifat dan tingkah laku masyarakat Melayu dari segi



percakapan yang didasari oleh mulut kerana mulut dapat menunjukkan emosi seseorang, tindak-tanduknya, perangai dan tatacara budi bahasa yang dipamerkan berbanding anatomi manusia yang lain.

Sungguhpun begitu, anatomi mulut telah dikaji dan diselidik oleh seorang ilmuan barat, iaitu Charteris Black yang mana ia telah mengkaji anatomi mulut namun tidak menemukan hasil jawapan yang dicari dan tidak dikaitkan dengan akal budi serta falsafah masyarakat Melayu walaupun yang dikajinya itu berdasarkan masyarakat Melayu. Oleh itu, pengkaji memilih anatomi mulut manusia untuk mendapatkan jawapan daripada hasil penyelidikan yang dilakukan di samping ia mempunyai perkaitan dengan sifat, sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu dari dahulu sehingga kini.



1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai kepentingannya tersendiri, begitu juga dalam penulisan ini juga mempunyai kepentingan mengenai pengkajian yang dilakukan. Antara kepentingan kajian ini salah satunya dapat dijadikan sumbangan terhadap perkembangan metafora dalam semantik yang menunjangi sistem inkuisitif manusia yang wujud dalam komunikasi perbualan sama ada dalam bentuk percakapan mahupun penulisan. Terdapat kepentingan kajian mengenai sumbangan metafora dalam simpulan bahasa yang sememangnya telah wujud lama dalam bentuk kamus dan data korpus digital tetapi ia amat kurang diberikan perhatian oleh masyarakat kerana kekurangan sumber pengetahuan dan rujukan.





Oleh itu, kehadiran kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi alternatif terhadap prinsip yang mendasari proses pembentukan makna simpulan bahasa terhadap inkuisitif manusia. Justeru, antara kepentingan kajian ini berdasarkan metafora dapat menyerlahkan empat kepentingan, iaitu pertama merupakan panduan kepada masyarakat terhadap kaedah pembentukan simpulan bahasa, kedua dapat melestarikan penyampaian makna tersirat terhadap penggunaan simpulan bahasa semasa berkomunikasi, ketiga merupakan wahana mendidik peradaban bangsa dan keempat merupakan penambahan kepada pengetahuan untuk rujukan khazanah alam Melayu dalam kamus. Sehubungan itu, kepentingan kajian ini juga dapat dilihat melalui kepentingan semantik inkuisitif yang mana ia dapat dilihat dan dapat menyelusuri makna simpulan bahasa sehingga ke akar umbi untuk melihat dan menjelaskan falsafah budaya masyarakat Melayu.



1.6.1 Panduan Pembentukan Simpulan Bahasa Berdasarkan Metafora

Menurut Hassan Ahmad (2002), mendefinisikan simpulan bahasa sebagai suatu himpunan metafora yang berada di ruang lingkup pemikiran masyarakat Melayu. Kewujudan peri bahasa dalam simpulan bahasa menunjukkan bahawa percakapan yang dihasratkan atau dinyatakan mempunyai bahasa yang berlapis atau kiasan yang tinggi. Bahkan, masyarakat Melayu dahulu menggunakan bahasa dengan pemilihan perkataan yang dipilih secara santun untuk menyatakan sesuatu yang tidak baik dengan harapan hasrat yang disampaikan walaupun bersifat negatif akan diterima tanpa menimbulkan kesan emosi yang buruk dengan cara mewujudkan simpulan bahasa. Sungguhpun begitu, adakalanya sikap, sifat dan perbuatan yang menunjukkan perilaku masyarakat Melayu pada generasi dahulu menunjukkan sifat,





sikap dan perbuatan yang mengambil berat terhadap orang lain namun adakalanya tatacara perilaku tersebut juga menyinggung perasaan orang lain yang diwarisi pada era kini.

1.6.2 Melestarikan Penyampaian Makna Tersirat Terhadap Penggunaan Simpulan Bahasa Semasa Berkomunikasi

Menurut Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), bangsa Melayu mempunyai perihal berfikir dan pandangan hidup bangsa mengenai sistem nilai, sosial, adat budaya, kepercayaan beragama dan peradaban bangsa Melayu yang diungkap dengan menggunakan bahasa yang kreatif dan indah. Oleh itu, kajian ini mempunyai kepentingan terhadap masyarakat, iaitu menggalakkan masyarakat Melayu pada era generasi kini agar tidak melupakan peranan simpulan bahasa semasa berkomunikasi kerana simpulan bahasa menjadi penyimpulan akar pemikiran Melayu kerana simpulan bahasa secara khususnya merupakan simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu.

Sehubungan itu, penggunaan simpulan bahasa dalam perbualan dapat mendidik masyarakat Melayu menjadi lebih sopan kerana simpulan bahasa diungkap dengan tertib semasa menegur dan memberi pandangan. Menurut Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2016), simpulan bahasa merangkumi unsur-unsur nasihat, pengajaran, teladan dan mesej yang diterapkan dalam ungkapan Melayu untuk menjadi panduan dan pedoman serta digunakan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu untuk menyampaikan maksud sama ada berbentuk positif mahupun negatif terhadap pendengar.





1.6.3 Wahana Mendidik Peradaban Bangsa

Penghuraian metafora berdasarkan simpulan bahasa dapat memperlihatkan peradaban bangsa dan budaya Melayu secara inkuisitif dan mental kerana simpulan bahasa yang telah wujud dalam peribahasa merupakan elemen yang menjadi pengajaran dan pembelajaran yang terkandung dalam kurikulum sekolah. Ini kerana warisan dari generasi dahulu yang gemar menggunakan bahasa kiasan dari segi percakapan tidak formal telah diasimilasi dalam pengajaran dan pembelajaran kerana peribahasa dan simpulan bahasa tidak boleh dilupakan malah perlu dimantapkan lagi. Oleh itu, secara tidak langsung kehadiran simpulan bahasa dalam peribahasa merupakan suatu bahasa kiasan yang menjadi wadah penting untuk proses mendidik anak bangsa yang mempunyai sifat dan perbuatan terutama ketika berbual atau menyampaikan hasrat tanpa menyinggung perasaan orang lain.



1.6.4 Menambah Pengetahuan Terhadap Rujukan Khazanah Alam Melayu

Penghuraian metafora berasaskan mulut dalam simpulan bahasa bersifat inkuisitif, iaitu perincian analisis menghubungkaitkan aspek makna tersirat dan konteks sehingga menyerlahkan sikap dan tingkah laku terhadap mesej penciptanya. Hasil dapatan kajian berasaskan generasi ke generasi ini akan dapat membantu untuk mengumpulkan segala simpulan bahasa yang mempunyai metafora berasaskan anatomi manusia khusus kepada mulut. Generasi kini dapat merujuk hasil kajian terhadap peribahasa terutama dalam simpulan bahasa untuk menambahkan pengetahuan mahupun membuat penambahan terhadap kajian pada masa akan datang. Simpulan bahasa banyak digunakan, namun tidak disedari secara langsung




penggunaannya ketika pertuturan dilakukan terutama semasa perbualan. Oleh itu, terdapat faktor mengenai kajian ini dilakukan untuk dikaji, diketahui dan diberi perhatian bagi generasi akan datang mengetahui pada masa yang sama simpulan bahasa juga tidak hilang dek zaman.

1.7 Kerangka Teoritik

Rajah 1.1

Kerangka Teoritik Pendekatan Semantik Inkuisitif





Berdasarkan rajah 1.1 di atas, iaitu mengenai kerangka teoretikal yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Teori semantik inkuisitif dipilih serta perhubungannya dengan RRS dapat menunjukkan kepada makna sebenar dalam simpulan bahasa berdasarkan entiti mulut dengan menggunakan perlambangan metafora secara langsung. Hal ini kerana semantik inkuisitif merupakan satu pendekatan yang diteroka untuk mengaitkan antara bahasa, budaya, kognitif dan akal budi masyarakat Melayu.

Justeru, semantik inkuisitif pada tahap ini menumpukan kepada persoalan mengapa sesuatu pola bahasa digunakan sehingga boleh menjawab kepada falsafah penggunaannya kerana ia sering kali mempersoalkan ‘mengapa’, ‘mengapa’ dan ‘mengapa’ (Nor Hashimah Jalaluddin, Julaina Nopiah, dan JunainiKasdan, 2018). Hal ini kerana gagasan utama semantik inkuisitif ialah meneroka makna ujaran tanpa meninggalkan falsafah dan akal budi penuturnya. Analisis semantik inkuisitif bukan sahaja menggunakan bukti linguistik seperti korpus untuk menghuraikan kesiratan makna tetapi juga memanfaatkan ilmu-ilmu lain bagi mendapatkan jawapan sesuatu itu berlaku dan dapat ‘memberikan’ jawapan secara tidak langsung.

Menurut, Juliana Nopiah (2019), bagi menghuraikan makna simpulan bahasa dengan lebih terperinci berdasarkan entiti mulut, simpulan bahasa yang berkaitan entiti mulut akan dianalisis menggunakan Rangka Rujuk Silang dalam Teori Relevans kerana RRS dengan maklumat budaya yang mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu. Oleh yang demikian, rajah di atas menunjukkan terdapat tiga tahap yang perlu dilalui untuk mendapatkan ‘jawapan’ kepada persoalan yang diketengahkan.





1.8 Definisi Operasional

Pengertian terhadap definisi istilah perlu diketahui terlebih dahulu kerana ia secara tidak langsung dapat mendorong pengkaji untuk menetapkan tumpuan yang tepat semasa melaksanakan pengkajian. Oleh itu, terdapat enam perkataan yang akan diberikan definisi menurut pandangan tokoh ilmunan, para penyelidik dan disimpulkan melalui fahaman pengkaji. Antara enam frasa tersebut ialah semantik inkuisitif, metafora, anatomi mulut, budaya masyarakat Melayu dan simpulan bahasa. Kesemua istilah mengenai tajuk akan diberikan pendefenisian menurut pandangan tokoh-tokoh dan para sarjana yang berintelektual.

1.8.1 Semantik Inkuisitif



Semantik dalam bahasa Yunani merupakan perkataan Semantik yang memberikan tanda atau simbol penting. Menurut Abdullah Hassan dalam Mohd Ra'in et al. (2009), semantik merupakan kajian makna ia merupakan sistem penggolongan semantik yang berperanan untuk meneliti makna kata. Selain itu, J.W.M Verhar (1996) dan Abdul Chaer (1994) juga menyokong Abdullah Hassan yang memberi pandangan dan pendapat mereka bahawa semantik ialah mengenai cabang linguistik yang menghuraikan mengenai makna. Sehubungan itu, R.H Robins (1992), menjelaskan bahawa semantik merupakan atribut yang bukan sahaja daripada bahasa malah dari segenap sistem tanda dan lambang.

Selain itu, menurut Faridah Nazir et al. (2018), semantik diertikan sebagai maksud atau idea yang dapat dipindahkan daripada fikiran penutur kepada fikiran





pendengar malah semantik merupakan keadaan bila mana penutur dapat mengujarkan sesuatu dan terdapat gerak balas oleh si pendengar. Hal ini dapat dikatakan bahawa makna ujaran bukan sahaja ditentukan oleh makna kata-kata tetapi ditentukan juga oleh faktor-faktor lain seperti intonasi, gaya pengucapan, tujuan dan konteks.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), semantik merupakan kajian makna perkataan dan merupakan penambahan makna sesuatu kata. Sehubungan itu, Bloomfield (1939) mentakrifkan semantik sebagai kajian makna, iaitu sebagai suatu bentuk linguistik yang terhasil berdasarkan penutur yang mengujarkannya dengan tindak balas. Semantik juga mempunyai pelbagai jenis, antaranya ialah Semantik Behavioris, Semantik Deskriptif, Semantik Generatif, Semantik Gramatikal, Semantik Leksikal, Semantik Historis, Semantik Logik dan Semantik Struktural. Pelbagai jenis semantik ini mempunyai fungsi dan perannya tersendiri untuk membentuk dan membawa pengertian mengenai makna dalam linguistik.

Semantik merupakan satu bidang yang memberi fokus terhadap kajian makna. Kajian mengenai makna ini sebenarnya menjadi sebahagian daripada ilmu linguistik kerana sesuatu bahasa itu tidak akan sempurna jika tiada unsur makna (Ain Nadhirah, 2021). Kenyataan ini bertepatan dengan perkara yang telah dibincangkan oleh tokoh-tokoh bahasa antaranya ialah Abu Bakar Hamid (1967), Awang Had Salleh (1959) dan sebagainya. Abu Bakar Hamid (dalam Abdullah Yusof, 2009:14) menjelaskan makna memainkan peranan penting dalam pemakaian bahasa.

Hal ini kerana, tanpa makna, sesuatu bahasa itu tidak akan dapat difahami dan tidak berguna. Awang Had Salleh (Abdullah Yusof, 2009:15) pula menjelaskan makna





merupakan satu perkara yang sangat luas. Hal ini kerana ia mempunyai hubungan langsung dengan otak penutur. Tambahan lagi, menurut Schaff (dalam Hashim Musa, 1998:3), bidang kajian makna dalam linguistik tertumpu kepada dua perkara utama, iaitu hubungan antara pernyataan bahasa dengan maknanya dan juga perubahan makna, sebab-sebab perubahan makna serta sejarah makna itu sendiri. Oleh itu, jelaslah bahawa bidang semantik ialah satu bidang yang penting dalam linguistik.

Selain itu, menurut Jalaludin (dalam Mary Fatimah Subet, 2019) semantik dalam linguistik merupakan ilmu yang menjurus kepada makna dan pentafsiran makna. Bahkan penggunaan ilmu semantik terhadap makna bukan sahaja dapat dilihat secara tersurat tetapi yang paling penting ia dapat difahami secara tersirat. Malah, menurut Subet, Nadarajan, Osman dan Hassan (dalam Mary Fatimah Subet, 2019) semantik juga membawa maksud kajian mengenai lambang atau tanda yang menyatakan makna, hubungan antara satu makna dengan makna yang lain serta pengaruh makna terhadap masyarakat.

Manakala, semantik inkuisitif merupakan proses yang berlaku untuk mendalami makna tersirat di sebalik ungkapan simpulan bahasa yang akan membawa pemahaman kepada falsafah dan akal budi Melayu. Konteks inkuisitif untuk memahami makna simpulan bahasa secara mendalam dan menyeluruh didasari oleh prinsip 'semangat ingin tahu'. Pertanyaan 'mengapa, mengapa, dan mengapa' digunakan untuk mencungkil makna peribahasa yang dikaji sehingga ke akar umbi sekali gus menyerlahkan akal budi penutur jati. Menurut Jalaluddin (2014) walaupun sejarah kajian semantik menunjukkan bahawa terdapat beberapa pendekatan yang pernah digunakan oleh ahli bahasa untuk mengkaji makna seperti semantik skrip dan





semantik resonans, namun proses tersebut perlu diberi penambahbaikan kerana ia hanya melihat makna pada peringkat harfiah dan kognitif sahaja.

Jalaluddin (2014), berpendapat bahawa perlu ada satu lagi tahap untuk melengkapkan analisis makna, iaitu yang melangkaui pandangan mata kasar. Tahap tertinggi dalam menganalisis makna dengan lebih mendalam ini memerlukan tafsiran ‘mata hati’ yang terselindung di sebalik maksud tersurat dan tersirat. Bahkan kajian semantik seperti ini bukan sahaja melibatkan skrip, data, teori dan kognisi sebagai ramuan untuk menganalisis makna, malah ia turut mengaitkan bahasa, budaya, falsafah dan akal budi penuturnya untuk mencerminkan pemikiran Melayu.

1.8.2 Metafora



Metafora berasal daripada bahasa Yunani, iaitu meta yang bermaksud ‘di atas’ dan pherein bermaksud ‘memindahkan’. Menurut Classe (2000), memberi pengertian bahawa metafora merupakan pengalihan citra, makna, atau kualiti sebuah ungkapan kepada suatu ungkapan lain. Pengalihan tersebut dilakukan dengan cara merujuk kepada suatu konsep lain untuk mengisyaratkan kesamaan, analogi atau hubungan antara konsep tersebut. Metafora juga bermakna menembus yang membawa erti menembus makna linguistik. Selain itu, metafora termasuk dalam bahasa kiasan atau majas seperti perbandingan tetapi tidak mempergunakan kata perbandingan. Sehubungan itu, metafora juga menerangkan suatu perkara yang sama atau memiliki nilai yang sama dengan perkara lain tetapi sebenarnya berbeza.





Menurut Aristotle metafora merupakan saranan berfikir yang sangat efektif untuk memahami suatu konsep abstrak yang dilakukan dengan cara memperluas makna konsep tersebut dengan cara membandingkannya dengan suatu konsep lain yang sudah difahami. Melalui perbandingan tersebut, ia terjadi pemindahan makna daripada konsep yang sudah difahami kepada konsep abstrak. Selain itu, Lakoff dan Johnson (1987) juga menyatakan bahawa metafora berlangsung dalam proses berfikir. Metafora menghubungkan dua ranah konseptual yang disebut sebagai ranah sumber (source domain) dan ranah sasaran (target domain). Ranah Sumber terdiri dari sekumpulan entiti, atribut atau proses yang berhubung secara harfiah dan secara semantik yang berhubung dan tersimpan dalam fikiran.

Hassan Ahmad (2017), mentakrifkan konsep metafora secara umumnya dengan melihat masyarakat Melayu dahulu berfikir dengan bersandarkan kepada penggunaan metafora yang dikaji berdasarkan teori linguistik kognitif untuk melihat bagaimana proses masyarakat Melayu berfikir untuk menyampaikan makna yang bersifat konseptual dan bercorak abstrak melalui ungkapan berlapis seperti peribahasa yang mempunyai pelbagai kelas seperti simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, dan pepatah.

Dalam buku Hassan Ahmad (2017), menjelaskan bahawa orang pertama yang cuba mentakrifkan definisi metafora ialah Aristotle. Aristotle berpendapat bahawa metafora terbentuk apabila sesuatu benda diberikan pemakaiannya, yakni nama terhadap sesuatu benda tersebut. Berdasarkan tokoh terhormat ini, beliau telah berpendapat dengan tiga cara untuk mendefinisikan metafora, iaitu pertama metafora berlaku pada peringkat perkataan, kedua metafora sebagai penyelewengan atau





deviant daripada bahasa literalnya dan ketiga metafora dibentuk berdasarkan persamaan antara dua benda. Oleh itu, Aristotle menyimpulkan bahawa metafora sebagai pengamatan manusia bersandarkan sesuatu yang lain terhadap yang lain kerana mempunyai fungsi kognitif untuk membentuk fikiran dan makna luar biasa dari aspek abstrak dan konseptual. Tuntasnya, menurut beliau metafora sebagai sistem pemikiran konseptual manusia yang tidak hanya terungkap berdasarkan 'kata nama' sahaja.

Menurut Konveces (2002), metafora ialah '..... a property of concepts and not just words...' dan ia membawa fungsi kepada '...to better understand certain concepts and not just some artistic or aesthetic purpose'. Selain itu, Jaszcolt (2002), memberi konsep terhadap metafora sebagai dua pandangan, iaitu pandangan pertama merupakan *comparasion view* yang merujuk kepada ungkapan metafora dapat membandingkan persamaan antara objek yang terdapat dalam sesuatu ayat dan *interaction view* pula mengenai oposisi verbal (*interaction*) antara makna ungkapan yang digunakan secara metafora dengan makna secara literal. Namun begitu, pendapat Jaszcolt bertentangan dengan pendapat Searle (1979), metafora sebagai pragmatik, iaitu pemberian makna yang berbeza maksudnya daripada apa-apa yang diungkapkan oleh penutur.

Sehubungan itu, terdapat seorang tokoh bernama Cruse (2004) yang melihat metafora dalam konsep semantik kognitif. Beliau memberikan pandangan dengan melihat bahawa metafora berhubungan dengan bahasa sehingga menampakkan perbezaan yang literal dan figuratif yang tidak seimbang. Menurut beliau korespondensi yang terdapat dalam metafora terdiri daripada dua, iaitu pertama





korespondensi ontologi dan korespondensi optimis. O'Grady (1996), berpendapat bahawa "Metaphor is the understanding of one concept in terms of another". Oleh itu, metafora merupakan pemahaman terhadap sesebuah konsep berdasarkan konsep lainnya.

1.8.3 Mulut

Anatomi mulut merupakan sebahagian daripada sistem pencernaan. Hal Ini dibahagi menjadi dua bahagian, iaitu bahagian vestibulum merupakan kawasan di antara pipi dan gigi serta bahagian rongga mulut yang dikenali sebagai oral cavity yang diisi oleh lidah. Pelbagai fungsi dan peranan dalam setiap struktur mulut namun anatomi mulut juga mempunyai dua fungsi utama juga, iaitu merupakan fungsi pencernaan dan kedua merupakan fungsi penyampaian atau komunikasi.



Proses komunikasi dalam anggota mulut melalui proses udara yang mana udara dari luar akan mengalir melalui pita suara di rongga tengkuk semasa pita suara bergetar. Hal ini akan menghasilkan suara. Selain itu, gerakan lidah dan bibir pada anatomi mulut juga membantu membentuk suara kerana struktur rongga mulut yang lain terlibat dengan produksi suara dan langit kerana fungsi langit juga berfungsi untuk menghasilkan suara sebagai suatu bentuk percakapan. Sehubungan itu, pergerakan lidah dan bibir mempunyai peranannya untuk menghasilkan penyampaian kerana kedua-dua anatomi ini membantu untuk membentuk suara yang keluar agar jelas terdengar pembentukan kata yang diujarkan daripada anatomi mulut.





1.8.4 Budaya Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu terkenal dengan ‘akal budinya’ kerana masyarakat Melayu amat terikat dengan adat istiadat, struktur sosial masyarakat Melayu, sikap serta falsafah hidup yang menjadi pegangan. Malah konsep akal dan budi merupakan konsep yang wujud daripada kearifan cara bangsa Melayu berfikir. Perkataan ‘akal’ merujuk kepada kemampuan berfikir yang melengkapkan manusia dengan pengetahuan (ilmu) berfikir terhadap segala idea dan perilaku yang diperlukan dalam perhubungan dengan persekitaran serta membolehkan akal melakukan perbezaan antara baik dan buruk untuk dimanfaatkan dalam kehidupan mereka.

Sementara, perkataan ‘budi’ membawa pengertian keikhlasan yang lahir daripada hati akibat rasa luluh dan rasa simpati yang terkandung di dalam hati. Sifat daripada rasa kemanusiaan tinggi ini melahirkan budi daripada akal dan kebijaksanaan yang ditanggapi sebagai perbuatan jasa atau berjasa (Shamsudin Othman, 2015). Sosiobudaya masyarakat Melayu merujuk kepada hubungan masyarakat dengan budaya seperti cara hidup, adat istiadat dan lain-lain, (Kamus Dewan, 2005). Dalam peribahasa Melayu, aspek sosiobudaya paling tinggi diungkapkan sesuai dengan peranan peribahasa sebagai medium untuk menyampaikan pengajaran, perbandingan, teladan, peringatan, sindiran, dan nasihat kepada ahli masyarakatnya (Ahmad Fuad, 2016).





1.8.5 Simpulan Bahasa

Peribahasa merupakan pemikiran pemikir masyarakat dahulu untuk menyampaikan hasrat, keinginan, pendapat, pandangan dan sebagainya melalui ungkapan yang sopan dari pelbagai kategori seperti simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan dan kata-kata hikmah. Salah satu ungkapan peribahasa dalam kajian ini yang akan diberi pendefinisian ialah simpulan bahasa. Simpulan bahasa mempunyai nama-nama yang berlainan namun masih membawa erti yang sama.

Antaranya ialah bunga bahasa, mutiara bahasa, mestika bahasa dan sebagainya (Anida Sarudin, 2011). Simpulan bahasa merupakan ungkapan perkataan yang mempunyai dua atau tiga perkataan sahaja yang membawa maksud berlainan dengan makna yang asal. Menurut Za'ba (1965), simpulan bahasa merupakan ungkapan yang mempunyai erti berangkai-rangkai yang telah tetap tersimpul dengan susunan khas dan mempunyai erti yang lain daripada asalnya.

Manakala, menurut Abdullah Hussain (1989) simpulan bahasa didefinisikan sebagai sekelompok perkataan untuk menunjukkan maksud lain daripada maksud asalnya. Selain itu, Abdullah Hassan juga memberi pandangannya mengenai simpulan bahasa dengan mentarifkan bahawa simpulan bahasa merupakan ungkapan pendek, ringkas dan padat dan mudah difahami maknanya tanpa penerangan yang panjang. Sehubungan itu, menurut Ding Choon Ming (2009), simpulan bahasa merupakan suatu identiti masyarakat Melayu dari aspek pemikiran, falsafah, akal budi, dan sebagainya yang mampu dikemukakan oleh masyarakat Melayu bahawa pentingnya





inti budi ketika mengungkapkan perkataan agar tidak menyinggung atau merendahkan orang lain.

1.9 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan kandungan yang perlu ada dalam melaksanakan kajian berkaitan dengan anatomi manusia khusus kepada anggota mulut sahaja yang dibincangkan dalam konteks bahasa figuratif seperti simpulan bahasa dalam aspek pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif dan persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teoretikal dan definisi operasional.

